

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN V. SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]
TARIKH : 26 NOVEMBER 2014
SOALAN :

YB Tuan V. Sivakumar A/L Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes Tibi di Malaysia. Apakah faktor-faktor yang menjadikan punca utama jangkitan tibi di Negara kita dan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani penyakit yang bahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum bahawa beban penyakit Tibi di negara ini semakin meningkat, di mana pada tahun 1990, terdapat sejumlah 10,873 kes dilaporkan iaitu 61 kes bagi setiap 100,000 penduduk berbanding pada tahun 2013 sejumlah 24,071 kes iaitu 81 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Sehingga Ogos 2014, jumlah kes Tibi di Malaysia adalah 15,758 kes berbanding 15,584 jumlah kes bagi tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 174 kes.

Tuan Yang di Pertua,

Punca utama penularan jangkitan penyakit tibi boleh dibahagikan kepada tiga (3) faktor utama seperti berikut iaitu:

- i. Kelewatan diagnosa penyakit Tibi. Masih ramai pesakit yang mempunyai tanda dan gejala penyakit tibi lewat berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan. Kenyataan ini disokong dengan kajian analisa keputusan x-ray dada bagi 14, 286 pesakit tibi kahak positif tahun 2013 mendapati sejumlah 6,045 kes (42%) x-ray dada teruk dan 820 kes (6%) x-ray dada sangat teruk.
- ii. Faktor kedua adalah kegagalan pesakit tibi memakan ubatan tibi mengikut jadual dan tatacara rawatan yang ditetapkan sehingga sembuh atau sempurna rawatan (minimum 6 bulan rawatan). Analisa hasil rawatan bagi 21,582 pesakit Tibi berdaftar bagi kohort tahun 2012, didapati sejumlah 1, 152 pesakit (5.3 %) terhenti rawatan. Pesakit yang terhenti rawatan ini boleh menyebarkan penyakit Tibi kepada orang lain dan pesakit ini juga berisiko mendapat jangkitan resisten TB pada masa akan datang.
- iii. Faktor ketiga adalah peningkatan prevalen kes-kes yang berisiko mendapat penyakit tibi seperti diabetes, perokok, warga emas, pendatang asing secara tidak langsung menyebabkan kes tibi di negara kita semakin meningkat. Data bagi tahun 2013 menunjukkan daripada 24,071 kes Tibi berdaftar, sejumlah 3,935 (16%) pesakit mempunyai diabetes, 8,282 (34%) pesakit adalah perokok dan 3,200 (13%) adalah pesakit berumur lebih 65 tahun dan ke atas dan 3,382 (14%) adalah kes bukan warganegara.

Tuan Yang diPertua

Kementerian amat prihatin berkaitan masalah ini dan telah melaksanakan Pelan Strategik Kawalan Tibi Kebangsaan bagi tempoh 2011-2015. Tumpuan utama Kementerian adalah meningkatkan aktiviti pengesanan kes tibi aktif dengan cara menetapkan sasaran kes yang mesti dicapai oleh Pegawai Kesihatan Daerah di setiap negeri. Sehubungan itu, pegawai kesihatan di lapangan perlu melakukan program pengesanan kes tibi secara aktif bagi mengesan sebanyak mungkin kes tibi untuk tujuan rawatan awal.

Selain itu, Kementerian telah meningkatkan kapasiti diagnostik tibi di Pusat Rawatan 1 (PR1) dengan menyediakan sejumlah 109 peralatan *Fluorescent Mikroskop* yang boleh meningkatkan 10% sensitiviti diagnosis penyakit Tibi berbanding penggunaan ujian menggunakan kaedah *Ziehl Nilson Staining* yang biasa dilakukan. Usaha Kementerian bagi menyediakan peralatan berteknologi tinggi bagi diagnosis penyakit tibi akan diteruskan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di Pertua,

Bolehlah dirumuskan bahawa diagnosa awal, rawatan awal serta mengambil ubatan anti Tibi sehingga disahkan sembuh adalah kombinasi strategi yang sangat penting dalam membendung penularan berterusan penyakit Tibi di Malaysia.